



INTERNATIONAL JOURNAL OF ISLAMIC BUSINESS

<http://e-journal.uum.edu.my/index.php/ijib>

How to cite this article:

Abdullah, A., Mohd Noor, M. M., & Md Yusof, S. (2021). Konsep Niat Menurut Imam Ghazali Daripada Perspektif Gelagat Kepenggunaan. *International Journal of Islamic Business*, 6(2), 15-24. <https://doi.org/10.32890/ijib2021.6.2.2>

KONSEP NIAT MENURUT IMAM GHAZALI DARIPADA PERSPEKTIF GELAGAT KEPENGGUNAAN

¹ Azwawida Abdullah, ² Mohd Murshidi Mohd Noor & ³ Syarifah Md Yusof
^{1,2,3} Islamic Business School, Universiti Utara Malaysia

Corresponding author: azmwida_abdullah@oyagsb.uum.edu.my

Submitted: 19 August 2021 Revised: 13 October 2021 Accepted: 11 November 2021 Published: 31 December 2021

ABSTRAK

Islam mementingkan niat dalam setiap tindakan kerana sesuatu perbuatan adat boleh berubah menjadi ibadat. Jika ditelusuri niat dalam teori Barat, mereka tidak menitikberatkan soal pahala dalam setiap tindakan yang dilakukan. Dalam kepenggunaan, walaupun niat turut dititiberatkan oleh para sarjana Barat selain Islam, namun yang membezakan kedua-duanya adalah perkara ukhurawi yang disentuh oleh Islam. Niat penting kerana ia mampu mendorong seseorang bertindak dengan berhikmah dan membawa manfaat untuk hari akhirat. Antara ulama yang banyak membincangkan tentang niat dalam aktiviti seharian adalah Imam al-Ghazali. Kebanyakan kajian lepas yang berkaitan niat pengguna adalah berteraskan teori yang diperkenalkan oleh Barat tanpa merujuk perbincangan teori Islam mengenainya. Justeru, kajian ini bertujuan meneliti konsep niat dalam kepenggunaan menurut pandangan Imam al-Ghazali yang merupakan seorang sarjana ulung dunia Islam. Metode kajian adalah kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Kajian ini mendapati niat akan menentukan pahala seseorang dalam aktiviti kepenggunaan yang dilakukannya. Oleh itu, pengguna perlu menetapkan niat yang betul dalam aktiviti kepenggunaan agar perbuatan yang dilakukan bernalih di sisi Allah SWT.

Kata Kunci: Niat, Kepenggunaan, Imam al-Ghazali.

THE CONCEPT OF INTENTION ACCORDING TO IMAM GHAZALI FROM THE PERSPECTIVE OF CONSUMER BEHAVIOUR

ABSTRACT

Intention is not only being utilized in specific worship activities, but its importance has also been debated for daily activities. The reason is that daily activities are categorised as a must, including consumerism. As such, in this context intention is important because it is able to motivate a person to act wisely and for his own benefits in the afterlife. Among the many scholars who had discussed intention in daily activities at length is the great Imam al-Ghazali. His debates pointed out the factors that exert influence on human behaviour as well as the three categories of intention namely sincere intention, mixed intention and insincere intention. Many earlier studies on consumer intentions were based on theories introduced by the West without any reference to Imam Ghazali's discussion. Therefore, this paper discusses the concept of intention based on the views of Imam al-Ghazali in his famous book, Ihya Ulumiddin. Qualitative research method is applied in this study using the content analysis method. This paper discovers that the concept of intention according to Imam al-Ghazali in Islamic-based consumerism activities will produce rewards when one follows the requirements that have been discussed.

Keywords: Intention, Consumption, Imam al-Ghazali.

PENGENALAN

Niat adalah sesuatu yang sering dibincangkan dalam perihal ibadat khusus, seperti solat, puasa, zakat dan haji. Niat adalah sesuatu unsur yang penting untuk mewujudkan sesuatu tindakan. Jarang sekali sesuatu tindakan dilakukan tanpa adanya niat. Niat juga disebut sebagai lintasan hati, tujuan dan perancangan (Khairul Bariyah, 2018; Abdul Rahman, 2003). Niat yang baik akan menzahirkan tindakan yang baik dan bermanfaat untuk diri sendiri dan masyarakat. Misalnya, niat yang baik dalam aktiviti berbelanja dapat menghindarkan timbulnya masalah-masalah yang berkaitan dengan aktiviti penggunaan. Contohnya, sikap pengguna yang berbelanja mengikut keinginan diri selain mengakibatkan berlakunya pembaziran, ada kalanya mereka tidak peduli sama ada sumber yang digunakan halal atau sebaliknya. Oleh yang demikian, menjadi satu keperluan bagi pengguna Muslim panduan yang menyeluruh dalam aktiviti kepenggunaan. Niat yang betul menatijahkan hasil bermanfaat di dunia dan akhirat.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian berkaitan niat bergelagat sering dilakukan bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi niat pengguna dalam memilih sesuatu produk. Namun, kajian-kajian lepas berkaitan niat pengguna banyak merujuk teori yang diperkenalkan oleh Barat khususnya *Theory Planned Behaviour* (TPB). Antara kajian yang ditemukan menggunakan TPB ialah Reham Ibrahim (2018); Aiedah, Sharifah Hayaati, dan Hairunnisa (2015); Nor Sara Nadia et al., (2014); dan Syed Shah Alam dan Nazura (2011). Kajian-kajian ini menggunakan TPB untuk mengkaji niat gelagat pengguna Muslim dalam pembelian produk halal.

Justeru, terdapat pengkaji yang mempertikaikan penggunaan TPB dalam kajian-kajian melibatkan pengguna Muslim. Ahmad Azrin et al., (2017) menolak teori ini kerana berpandangan bahawa teori ini tidak sesuai dengan ajaran Islam. Siti Khalilah dan Azizi (2019) pula berpendapat teori ini boleh digunakan, namun perlu ditambah elemen-elemen yang lebih bersesuaian dengan ajaran Islam iaitu akidah, ibadat dan akhlak. Hal ini demikian kerana konsep niat dalam TPB menjurus kepada kebebasan mutlak pengguna dalam membuat pemilihan dan tindakan dalam kepenggunaan. Walaupun Aiedah et al., (2015) membincangkan konsep niat dalam Islam sebagai elemen yang boleh menukar perbuatan adat menjadi ibadat, namun kajian beliau tidak memasukkan elemen niat tersebut kerana kerangka teoritikal kajiannya menggunakan TPB. Kegagalan Aiedah et al., (2015) berbuat demikian dapat difahami kerana TPB merupakan suatu teori yang tidak mengambil kira elemen ukhurawi.

Sebaliknya, kajian tentang gelagat pengguna Muslim perlu juga mengambil kira elemen ukhurawi sebagai pendorong gelagat mereka dalam kepenggunaan. Elemen ukhurawi yang dimaksudkan adalah pahala dan dosa yang akan terhasil akibat niat dan gelagat kepenggunaan mereka. Namun, pada masa ini, pengguna Muslim kurang mengambil berat perihal niat dalam tindakan kepenggunaan kerana telah terpengaruh dengan corak pemikiran konvensional serta kurang mengutamakan kepentingan niat menurut Islam (Al-Zuhaili, 2010).

Pada masa yang sama, kajian-kajian berkaitan niat pengguna lebih memfokuskan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi niat pengguna dalam sesuatu pembelian (Sandikci, 2011). Reham Ibrahim (2018) berpendapat kajian sebegini lebih bermanfaat kepada pemasar berbanding pengguna. Hal ini demikian kerana dapatan kajian tersebut membolehkan pemasar mengetahui faktor penting yang diambil kira oleh pengguna dalam membuat keputusan pembelian. Namun, kajian sebegini tidak menyumbang kepada pembentukan sikap pengguna Muslim yang mementingkan elemen ukhurawi iaitu elemen dosa dan pahala.

Walaupun ada kajian yang memasukkan elemen ukhurawi dalam kajian gelagat Muslim, namun skop kajian mereka tertumpu kepada gelagat secara umum (Syazalie Hirman, 2019), gelagat berwakaf (Mohammad Zulfakhairi, 2015) dan gelagat berzakat (Khairul Bariyah, 2018). Kajian-kajian ini tidak menjawab persoalan tentang konsep niat dalam konteks gelagat kepenggunaan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti konsep niat daripada perspektif Islam dalam gelagat kepenggunaan dengan memberi perhatian kepada perbincangan niat oleh tokoh ilmuan Islam yang terkenal iaitu Imam al-Ghazali.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Kertas kerja ini merungkaikan konsep niat yang dijelaskan oleh Imam al-Ghazali, seterusnya mengaitkan konsep niat tersebut dengan aktiviti kepenggunaan. Bagi memenuhi tujuan tersebut, kertas kerja ini menggunakan metode kualitatif berdasarkan kaedah analisis kandungan.

Kaedah analisis kandungan dilakukan melalui penelitian secara umum terhadap kajian-kajian dan karya-karya lepas yang berkaitan dengan niat. Penelitian secara khusus diberikan kepada karya Imam al-Ghazali yang bertajuk “*Ihya Ulumuddin*” kerana karyanya disifatkan oleh al-Qardawi (2018) sebagai satu-satunya karya yang jelas dan terperinci berkaitan niat.

Terdapat tiga langkah dalam menjalankan kajian kandungan dokumen iaitu: 1) Mencari bahan-bahan yang relevan dengan tujuan dan persoalan kajian, 2) meringkaskan dokumen bersesuaian dengan tujuan kajian, dan 3) mengadakan satu sistem pengkodan bagi memudahkan penyelidik untuk mendapatkan sumber yang tepat bagi menjawab semua persoalan kajian (Othman, 2017).

DEFINISI NIAT DALAM ISLAM

Menurut al-Ghazali (1981), perkataan niat, “*qasad*” (tujuan hati) dan “*iradah*” (kehendak hati) membawa maksud yang sama. Al-Nawawi (1989) mendefinisikan niat dari sudut bahasa sebagai seseorang yang melakukan sesuatu tindakan mengikut kemahuan sendiri berdasarkan “*qasad*” (tujuan hati) dan “*iradah*” (kehendak hati). Al-Zuhaili (2010) pula mendefinisikan niat sebagai keinginan dan tekad hati serta kehendak untuk melakukan atau mendapatkan sesuatu tanpa rasa ragu-ragu. Umar Sulaiman (2002) turut menjelaskan bahawa niat merupakan cetusan hati, halatuju dan kecenderungan kepada sesuatu matlamat yang ingin dicapai.

Niat dari sudut syarak pula bermaksud azam atau tekad melakukan sesuatu ibadat semata-mata untuk mendekatkan diri kepada Allah. Al-Ghazali (1981) menyatakan bahawa niat sebagai sifat hati yang mendorong sesuatu tindakan dengan dipengaruhi oleh ilmu tentang Islam. Beliau menjelaskan lagi,

niat sifatnya sebagai moderator antara ilmu dan tindakan. Niat juga adalah keinginan yang bersesuaian dengan maksud yang ingin dicapai sama ada pada masa sekarang atau masa akan datang.

Al-Nawawi (1989) mendefinisikan niat dari sudut syarak sebagai gerak hati ke arah untuk melakukan sesuatu perkerjaan atau tindakan untuk mencari keredhaan Allah dan taat pada setiap perintah dan larangan-Nya, atau disebut juga sebagai ikhlas. Al-Zuhaili (2010) mendefinisikan niat dari sudut syarak sebagai tekad hati untuk melakukan sesuatu amalan fardhu atau amalan-amalan adat kebiasaan yang lain. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa definisi niat dari sudut syarak menurut ulama lebih kepada niat untuk beribadah kepada Allah dengan keikhlasan hati bagi mendekatkan diri kepada Allah serta mendapatkan keredhaan-Nya.

KOMPONEN NIAT

Dalam perbincangan berkaitan niat, antara perkara yang dibincangkan oleh para ulama ialah tentang posisi niat, hukum niat, waktu niat serta syarat niat.

Posisi Niat

Posisi niat adalah di hati kerana ia merupakan tempat terbentuknya sesuatu tujuan (Al-Zuhaili, 2010). Walaupun begitu, niat yang disertakan lafaz di mulut menurut jumhur ulama adalah komponen niat yang sempurna (Al-Zuhaili, 2010). Sebaliknya, mazhab Maliki dan Hambali berpandangan lebih baik lafaz niat tidak diungkapkan berikutan tiadanya dalil mengenai lafaz niat daripada Rasulullah s.a.w dan para sahabat Baginda. Malah, mazhab Hambali menyatakan lafaz niat merupakan satu bidaah (Al-Zuhaili, 2010). Ringkasnya, kesemua ulama berpandangan posisi niat adalah di hati, namun mereka berbeza pandangan terhadap keperluan melafazkan niat.

Hukum Niat

Majoriti ulama berpandangan bahawa hukum niat dalam aktiviti ibadat khusus seperti solat, puasa, haji dan lain-lain adalah wajib kerana ia menjadi rukun ibadah, dan ada yang menyatakan niat sebagai syarat sah ibadah (Al-Nawawi, 1989).

Hukum niat dalam adat kebiasaan adalah sunat. Al-Zuhaili (2010) dalam karyanya menegaskan niat dalam adat kebiasaan berfungsi untuk menentukan sesuatu perbuatan itu berubah menjadi ibadat dan mendapat ganjaran pahala atau balasan dosa. Niat dalam aktiviti adat kebiasaan juga mampu menentukan sesuatu perbuatan tersebut sama ada berubah menjadi kebajikan atau maksiat (Ab. Latif & Rosmawati, 2000).

Oleh yang demikian, niat dalam ibadah khusus seperti solat, puasa, zakat dan lain-lain adalah wajib, manakala niat dalam perlakuan sehari-hari atau adat kebiasaan termasuklah aktiviti kepenggunaan adalah sunat.

Waktu Niat

Secara umumnya waktu niat sesuatu tindakan adalah semasa tindakan itu dilakukan (Al-Zuhaili, 2010). Contohnya niat solat dilakukan adalah semasa ia dimulakan ketika takbiratul ihram.

Syarat Niat

Terdapat lima syarat yang perlu dipenuhi dalam ibadah khusus bagi memastikan niat tersebut diterima dalam Islam. Syarat tersebut ialah 1) beragama Islam, 2) mumaiyiz, 3) berakal, 4) mengetahui apa yang diniatkan serta 5) tidak melakukan sesuatu yang boleh membantalkan niat atau tindakan yang diniatkan (Al-Zuhaili, 2010). Manakala untuk amalan harian, para ulama tidak membicarakan syarat-

syaratnya secara khusus. Apa yang penting adalah membetulkan niat ketika melakukan sesuatu tindakan termasuklah dalam aktiviti kepenggunaan agar ia beroleh pahala, dengan syarat perkara yang dilakukan itu tidak melanggar syarak.

KONSEP NIAT MENURUT IMAM AL-GHAZALI

Al-Qardawi (2018) menyifatkan Imam al-Ghazali sebagai seorang tokoh ulama yang ulung dalam perbincangan berkaitan topik niat dan keikhlasan. Hal ini demikian kerana Imam al-Ghazali membincangkan topik tersebut secara terperinci. Malah beliau sendiri turut mempraktikkan keikhlasan dalam kehidupannya.

Definisi niat yang dijelaskan oleh Imam al-Ghazali adalah sifat hati yang mendorong sesuatu tindakan dengan dipengaruhi oleh ilmu dan kehendak serta kemampuan. Beliau menjelaskan lagi, niat bersifat moderator antara ilmu dan tindakan. Niat juga adalah keinginan yang bersesuaian dengan maksud yang ingin dicapai sama ada pada masa sekarang atau masa akan datang. Beliau turut menyatakan niat, kehendak (*iradah*) dan tujuan (*qasad*) adalah perkataan-perkataan yang membawa makna yang sama.

Imam al-Ghazali turut membuat kupasan terperinci tentang ikhlas. Menurut beliau, keikhlasan penting kerana tanpanya sesuatu tindakan tidak membawa manfaat ukhurawi, sekadar memperoleh manfaat dunia. Misalnya, seseorang yang makan hanya untuk kenyang semata-mata, maka dia tidak memperoleh apa-apa, selain kekenyangan sahaja. Sepatutnya tindakan makan tersebut diniatkan untuk memperoleh kekuatan bagi tujuan beribadah kepada Allah SWT untuk manfaat dunia dan ukhurawi. Demikian juga dalam konteks kepenggunaan, sekiranya aktiviti itu diniatkan untuk mematuhi perintah Allah seperti membeli produk yang halal, maka dengan niat tersebut, ia akan memperoleh pahala menurut konsep yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali ini.

Menurut al-Ghazali (1981) lagi, niat dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu 1) niat yang ikhlas kerana Allah (*niyyatun khaalishatun*), 2) niat yang bercampur aduk antara ikhlas dan tidak ikhlas, dan 3) niat yang tidak ikhlas. Niat yang jelas diterima atau yang betul serta berpahala adalah niat yang ikhlas kerana Allah. Syarat niat yang ikhlas adalah tujuan melakukan sesuatu semata-mata kerana Allah serta mematuhi syariat dan sunnah.

Bagi *niyyatun khaalishatun*, al-Ghazali (1981) menyatakan bahawa terdapat tiga elemen yang mendorong keikhlasan murni seseorang dalam melakukan sesuatu tindakan iaitu: 1) perasaan takut kepada azab Allah, 2) taat kerana syurga yang dijanjikan dan 3) cinta kepada Allah dan Rasul melebihi yang lain. Niat ikhlas dengan rasa takut di sini bermaksud seseorang melakukan kebaikan kerana takut kepada Allah, dan takut balasan dosa dan neraka. Niat kerana taat pula bermaksud melakukan sesuatu kerana mentaati perintah dan larangan Allah. Seterusnya niat kerana cinta pula bermaksud seseorang itu melakukan sesuatu kerana rasa cinta kepada Allah. Terdapat juga *niyyatun khaalishatun* yang boleh mendatangkan dosa, iaitu niat yang tujuannya selain Allah.

Seterusnya jenis kedua iaitu niat yang bercampur aduk antara ikhlas dan tidak ikhlas. Menurut al-Ghazali (2005), terdapat tiga keadaan niat bercampur aduk iaitu: 1) tujuan atau niat kerana Allah melebihi tujuan yang lain (*murafaqah*), 2) tujuan kerana Allah dan selain Allah itu sama-sama kuat (*musyarakah*), dan terakhir, 3) tujuan selain Allah itu lebih kuat daripada tujuan kerana Allah (*mu'awanah*).

Al-Ghazali (1981) menjelaskan bahawa niat *murafaqah* akan diperhitungkan pahalanya berdasarkan kekuatan tujuannya kerana Allah. Misalnya, seseorang membeli kereta mewah dengan tujuan untuk memudahkan dia bergerak bagi menjalankan usaha dakwah di jalan Allah. Pada masa yang sama timbul juga tujuan untuk dipandang hebat oleh orang sekeliling, tetapi tujuan tersebut hanyalah

sampingan sahaja, maka ia tetap berpahala atas dasar niat dakwah yang merupakan niat asalnya. Niat *musyarakah* pula tidak mendapat pahala dan juga tidak mendapat dosa kerana niatnya kerana Allah dan selain Allah itu sama-sama kuat. Rasulullah s.a.w menyatakan “bersihkan amalan burukmu dengan kebaikan”. Implikasi niat *mu’awannah* membawa kepada kerugian atau boleh membawa kepada dosa. Hal ini demikian kerana seseorang itu melakukan sesuatu dengan mengutamakan tujuan selain Allah. Misalnya, seseorang yang membeli kereta mewah semata-mata untuk menunjuk-nunjuk kekayaannya kepada orang ramai, serta untuk memenuhi keinginan nafsunya, maka dalam hal ini dia tidak memperoleh apa-apa pahala, malahan boleh mengundang dosa disebabkan niat yang buruk itu.

Oleh yang demikian, dalam aktiviti kepenggunaan menurut pandangan Imam al-Ghazali, sekiranya seseorang membeli produk halal dengan tujuan untuk membangunkan ekonomi umat Islam, atau membantu orang-orang yang susah, atau mendapatkan barang yang halal kerana ia merupakan perintah Allah, maka tindakan tersebut akan memperoleh pahala yang besar. Sekiranya niatnya itu bercampur aduk antara kerana Allah dan untuk menunjuk-nunjuk kepada manusia, maka dia tidak memperoleh apa-apa pahala dan juga dosa. Namun, sekiranya dia membeli sesuatu produk bukan kerana Allah, tetapi untuk menunjuk-nunjuk kepada orang ramai semata-mata, maka dia akan berdosa di sisi Allah SWT.

Bagi memahami dengan lebih jelas pandangan Imam al-Ghazali ini, penulis cuba memberikan penerangan dalam bentuk angka seperti berikut:

Jadual 1

Konsep Niat Daripada Perspektif Imam al-Ghazali

Kategori Niat	Jenis Niat / Elemen	Jenis Dorongan	Kesan Niat
Niat ikhlas (niat kerana Allah = NKA)	1. Takut 2. Taat 3. Cinta	<i>Niyyatun khaalishatun</i> (niat murni)	NKA = Pahala
Niat yang bercampur aduk (kerana Allah dan selainNya = NKS)	1. Tujuan kerana Allah lebih kuat berbanding tujuan lain.	Dorongan <i>murafaqah</i>	NKA > NKS = Pahala
	2. Tujuan kerana Allah dan tujuan yang lain sama kuat.	Dorongan <i>musyarakah</i>	NKA = NKS = Tiada pahala, tiada dosa
	3. Tujuan selain Allah lebih kuat berbanding tujuan kerana Allah.	Dorongan <i>mu'awanah</i>	NKA < NKS = Dosa
Niat tidak ikhlas (niat kerana selain Allah)	-	<i>Niyyatun khaalishatun</i> (niat sepenuhnya tidak ikhlas)	NKS = Dosa

Sumber: Rumusan pengkaji daripada Al-Ghazali (2005)

Merujuk Jadual 1, pengkaji membuat andaian kiraan pahala dan dosa berdasarkan pandangan Imam al-Ghazali tentang niat. Niat selain Allah boleh memberi kesan pada amalan seseorang. Jika niat seseorang pengguna adalah sepenuhnya kerana Allah tanpa ada sebarang tujuan lain misalnya memilih produk halal kerana menjunjung perintah Allah seperti yang disebutkan dalam Al-Quran menerusi ayat 172, surah Al-Baqarah, maka dia memperoleh pahala sepenuhnya. Sebaliknya, jika tujuan pembelian adalah kerana selain Allah seperti pembelian kereta mewah semata-mata untuk menunjuk-nunjuk kepada orang sekeliling dengan tujuan kemegahan dan ketakjuban, maka tiada pahala daripada pembelian tersebut malahan mendapat dosa.

Mengikut pandangan Imam al-Ghazali lagi, sekiranya niat kerana Allah bercampur baur dengan selainNya, maka andaian pahala berbeza mengikut kadar niatnya. Asas pahala adalah tujuan kerana Allah mestilah mengatasi tujuan yang lain, tetapi sekiranya tujuan lain mengatasi tujuan kerana Allah maka perbuatan itu tetap tidak memperoleh pahala. Misalnya, jika seseorang itu membeli kereta kerana ingin mensyukuri nikmat yang Allah berikan kepadanya tetapi pada masa yang sama ingin menunjuk-nunjuk kepada orang sekeliling kerana tujuan kemegahan, maka pahalanya akan berkurang. Namun, sekiranya tujuan pembelian kerana kemegahan mengatasi rasa syukur kepada Allah, maka dia tidak memperoleh pahala. Dalam kes pembelian yang dibuat bertujuan kerana Allah dan selainNya sama banyak, maka pengguna tersebut tidak memperoleh apa-apa sama ada dosa atau pahala.

Penting untuk difahamkan bahawa manusia tidak diberi pengetahuan untuk mengganggarkan kadar pahala dosa seseorang, kerana hanya Allah SWT sahaja yang mengetahuinya. Pengetahuan tentang pahala dan dosa hanya diperoleh menerusi al-Quran dan hadis. Namun, pengkaji sekadar membuat rumusan daripada perbincangan Imam al-Ghazali bagi memudahkan pengguna Muslim menetapkan niat agar lebih berhati-hati dalam setiap tindakan yang berkaitan kepenggunaan.

NIAT DALAM KEPENGGUNAAN DARIPADA PERSPEKTIF IMAM AL-GHAZALI

Al-Ghazali (1981) telah membahagikan perbuatan manusia kepada tiga bahagian, iaitu taat, harus dan maksiat. Beliau menjelaskan, nilai setiap tindakan seseorang itu berpahala atau tidak adalah bergantung pada niatnya. Walaupun perbuatannya bersifat taat, belum pasti ia berpahala atau sebaliknya. Namun untuk perbuatan maksiat, tetap dianggap bersalah dan berdosa walaupun niatnya baik. Misalnya, seseorang makan makanan haram untuk menghilangkan lapar, sedangkan dia mampu berusaha mendapatkan makanan yang halal. Dia dikira berdosa kerana melanggar syariat walaupun niatnya yang baik. Manakala perbuatan harus pula bergantung pada niat seseorang dari sudut ia berpahala atau berdosa. Hal ini demikian kerana niat itu sendiri memberi implikasi besar kepada tindakan seseorang di sisi agama.

Antara perbuatan harus dalam kategori adat kebiasaan seseorang itu ialah aktiviti kepenggunaan yang dilakukan pada setiap hari seperti membeli makanan, barang keperluan dan lain-lain. Walaupun aktiviti kepenggunaan dalam kategori harus, ia boleh memberi manfaat kepada kehidupan di dunia dan akhirat sekiranya diniatkan dengan tujuan yang betul. Antara yang termasuk niat yang betul (*niyyatun khaalishatun*) dalam kepenggunaan adalah seperti melaksanakan tuntutan agama dengan membeli produk-produk halal, menghindari perkara syubhat dan haram dan sebagainya. Oleh itu, bagi menjamin ganjaran di akhirat dalam aktiviti kepenggunaan, seseorang itu perlulah memastikan bahawa niatnya adalah kerana Allah serta mematuhi segala ketentuan syariat.

Al-Ghazali (1981) menyatakan lagi bahawa niat boleh meninggikan darjat seseorang walaupun dalam melakukan aktiviti yang harus. Setiap perbuatan Muslim akan diperhitungkan pada hari akhirat walaupun dalam perkara harus (Al-Ghazali, 1981). Oleh itu, seseorang Muslim dianggap lalai dan rugi jika tidak berniat dalam setiap perbuatannya. Misalnya, seseorang yang memakai minyak wangi, sekiranya diniatkan kerana mengikut sunnah Rasulullah s.a.w akan diganjari pahala, namun sekiranya

diniatkan untuk bermegah-megah kerana bangga dengan haruman yang mahal, maka akan mendapat dosa kerana niatnya yang tidak betul (*mu'awanah*). Terdapat satu teks hadis yang bermaksud,

“Sesungguhnya setiap amal itu harus dengan niat. Dan setiap orang mendapatkan balasan sesuai dengan niatnya”.

(*HR. Bukhari Muslim*)

Setiap perbuatan akan bernilai sekiranya disertakan dengan niat yang ikhlas, walaupun tindakan itu kecil di sisi manusia. Dengan niat yang betul, perbuatan yang kecil di sisi manusia boleh menjadi sangat bernilai di sisi Allah SWT, dan mendapat balasan pahala yang besar. Al-Ghazali (1981) menjelaskan terdapat sebahagian para sahabat Rasulullah s.a.w menyatakan “banyaklah amalan yang kecil, dibesarkan oleh niat, dan banyak amal yang besar, dikecilkkan oleh niat”. Sebahagian ulama menyatakan, “carilah niat untuk amal, sebelum beramal, selama engkau berniat kebaikan, maka engkau itu dengan kebaikan”. Selain itu terdapat juga sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud, “niat orang mukmin itu lebih baik dari amal perbuatannya”. Dalam aktiviti kepenggunaan, konsep ini boleh diaplikasikan seperti seseorang membeli sekampit beras daripada pengeluar Muslim untuk memberi bantuan kepada asnaf, maka dengan niat tersebut, dia memperoleh pahala yang besar di sisi Allah SWT. Namun, dengan sekampit beras yang sama, sekiranya diniatkan untuk membantu orang susah dan menyokong pengeluar Muslim, maka pahala yang diperolehnya adalah lebih besar daripada situasi pertama kerana terdapat dua perkara di sini iaitu membantu orang susah dan menyokong ekonomi umat Islam.

KESIMPULAN

Niat adalah sesuatu yang amat penting dalam kehidupan seharian. Sebagai seorang Muslim niat yang sebenar perlu diletakkan dalam setiap tindakan, termasuk dalam aktiviti penggunaan seharian. Misalnya dalam aktiviti makan minum, berbelanja dan lain-lain. Setiap tindakan dengan niat ikhlas, iaitu niat kerana Allah dan mematuhi syariat akan membawa kebaikan di dunia dan akhirat. Niat yang betul juga mampu membimbing seseorang daripada melakukan sesuatu yang merugikan atau mendatangkan keburukan. Misalnya, dalam aktiviti berbelanja sekiranya niat atau tujuan selain kerana Allah dan melanggar syariat boleh mendatangkan dosa serta tidak berpahala. Imam al-Ghazali telah memperincikan andaian kiraan pahala niat. Beliau juga telah membahagikan niat kepada tiga kategori iaitu niat ikhlas, niat bercampur aduk dan niat tidak ikhlas. Konsep niat yang dibincangkan oleh Imam al-Ghazali sangat sesuai diadaptasikan dalam aktiviti penggunaan. Hal ini kerana aktiviti penggunaan sangat mudah dipengaruhi pendorong-pendorong lain selain Allah.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada kajian peringkat PhD. Ia tidak menerima sebarang geran daripada mana-mana agensi samada awam, komersial atau sektor tidak berorientasi keuntungan.

RUJUKAN

- Abdul Rahman, M. (2003). *Sumbangan Syeikh Idris al-Marbawi: Suatu kajian terhadap kitabnya Bahr al-Mazi, tumpuan kepada bab niat*. (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ab. Latif, M., & Rosmawati, A. @ M. Z. (2000). *Perbahasan kaedah-kaedah fiqh*. Selangor: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Ahmad Azrin, A., Basri, A. G., Sakinah, M. Z., & Izzuddin, A. A. (2017). The Disciplinary Status of Islamic Consumer Behavior. *International Journal of Asian Social Science*, 7(12), 949–962. doi:org/10.18488/journal.1.2017.712.949.962.
- Aiedah, A.K., Sharifah Hayaati, S.I. & Hairunnisa, M.I. (2015). Why Are We Eating Halal – Using the Theory of Planned Behavior in Predicting Halal Food Consumption among Generation Y in Malaysia. *International Journal of Social Science and Humanity*, 5(7), 608–612. https://doi.org/10.7763/ijssh.2015.V5.526.

- Al-Nawawi. (1989). *Hadith 40 (Terjemahan dan Syarahnya)* (Mustafa, A.R, Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Ghazali. (1981). *Ihya' Ulumiddin atau mengembangkan ilmu-ilmu agama* (Ismail Yakub, Terj.). Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad. (2005). *Ihya' 'ulum al-din wa ma'ahu al-muhgni 'an haml al-asfar fi tkhrij ma fi al-ihya' min al-akhbar*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Otoum, F. J., & Nimri, R. (2015). Antecedents of consumers' behavior towards halal food among Jordanian customers : A structural equation modeling (SEM) approach. *Journal of Marketing and Consumer ResearchJournal of Marketing and Consumer Research*, 12, 19–26.
- Al-Qardawi. (2018). *Ikhlas dan tawakal ilmu suluk menurut al-Quran dan as-sunnah*. (Ahmad Ihsanudin & Arif Mahmudi, Terj.) Jakarta: Istanbul.
- Al-Zuhaili. (2010). *Fiqih Islam Wa Adillatuhu* (Abdul Hayyie, A.K, Terj.). Jakarta: Darul Fikir.
- Khairul Bariyah, O. (2018). *Konsep niat berteraskan Islam dalam tingkah laku kepatuhan zakat pendapatan*. (Tesis kedoktoran tidak diterbitkan). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Heikal, M., Muammar Khaddafi, M., & Falahuddin, M. (2014). The intention to pay zakat commercial: An application of revised Theory of Planned Behavior. *Journal of Economics and Behavioral Studies*, 6(9), 727–734.
- Mohammad Zulfakhairi, M. (2015). *Konsep Niat Dalam Tingkah Laku Berteraskan Islam Dan Faktor-Faktor Mempengaruhi Niat Untuk Berwakaf Tunai Dalam Kalangan Staf Muslim Universiti Sains Malaysia (Usm)*. (Tesis kedoktoran tidak diterbitkan). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nor Sara Nadia, M.Y, Wan Edura, W.R., Norafifa, M.A. & Norhidayah, M.R. (2014). Muslim's Purchase intention towards non-muslim's halal packaged food manufacturer. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 130, 145–154. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.018>
- Othman, L., (2017). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Metode*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Reham Ibrahim, E. (2018). Determinants of halal purchasing intentions: evidences from UK. *Journal of Islamic Marketing*, 9 (1) 167-190. doi:10.1108/JIMA-02-2016-0013.
- Syazalie Hirman, A. N. (2019). *Niat Bertingkah Laku Berteraskan Islam dalam teori Tingkah Laku Terancang*. (Tesis kedoktoran tidak diterbitkan). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Siti Khalilah, B., & Azizi, A. B. (2019). Model gelagat pengguna Islam. *Journal of Human Development and Communication*, 8(2017), 169 - 182.
- Syed Shah Alam, M., & Nazura, M. S. (2011). Applying the Theory of Planned Behavior (TPB) in halal food purchasing. *International Journal of Commerce and Management*, 21(1), 8–20. <https://doi.org/10.1108/10569211111111676>
- Umar Sulaiman, A.A. (2002). *Rahsia Niat Dalam Ibadat, Kelebihan dan Kepentingan Niat* (Zayuki, M, Terj.). Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.